

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11/3/2008

## Khairy tidak pengaruhi saya – PM

WM - 11/3/2008

KUALA LUMPUR 10 Mac – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan menantunya, Khairy Jamaluddin tidak mempengaruhinya terhadap apa yang beliau lakukan.

Perdana Menteri berkata, dakwaan bahawa Khairy mempengaruhi beliau hanyalah satu persepsi sahaja.

“Khairy tidak pernah berkata bahawa saya perlu terima cadangan ini, laksanakannya dan dia tidak pernah melakukan perkara itu.

“Dakwaan itu hanyalah satu persepsi. Ia adalah satu persepsi yang salah dan saya tahu orang ramai mempunyai pelbagai persepsi mengenai Khairy kerana hubungannya dengan saya sebagai bapa mertua dan menantu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dan Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Abdullah mengulas dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa Khairy, yang juga Naib Ketua Pemuda UMNO, merupakan punca prestasi buruk BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 yang berlangsung kelmarin.

Abdullah memberitahu, apa yang beliau dan Khairy lakukan mungkin berlaku pertembungan kerana ia memperkatakan polisi yang sama.

“Ia adalah polisi kerajaan dan menjadi tanggungjawab semua ahli untuk memahami polisi tersebut dan bercakap mengenainya.

“Semua orang juga berhak untuk memberi cadangan dan Khairy bercakap secara terbuka dan kenyataan itu dikeluarkan oleh media, ia juga diperkatakan semasa Perhimpunan Agung UMNO,” katanya.